

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 28.10.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah rendah dan menengah yang dikelaskan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM) di seluruh Malaysia dan apakah perancangan Kementerian terhadap sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, sehingga kini jumlah Sekolah Kurang Murid (SKM) di seluruh negara adalah sebanyak 2069. Kementerian komited untuk bekerjasama dengan ibu bapa dan pihak berkepentingan bagi menentukan masa depan sekolah dan memastikan tiada kompromi dalam kualiti pendidikan anak mereka serta meningkatkan kualiti pendidikan semua SKM.

Dalam usaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk semua murid, Kementerian akan membantu memudahkan proses penempatan semula sekolah mengikut kes demi kes berdasarkan hasil perbincangan dengan komuniti setempat. Kementerian menyasarkan peningkatan hasil pembelajaran dan mengurangkan kos operasi semua

SKM bagi memastikan prestasi sekolah ini setanding dengan sekolah kebangsaan.

Sekiranya penggabungan SKM atau pemindahan SKM ke lokasi baru dapat dilaksanakan melalui inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, maka diharapkan dapat meningkatkan kualiti pendidikan semua SKM, mewujudkan dan menyesuaikan persekitaran pembelajaran kondusif untuk semua murid; dan meningkatkan hasil pembelajaran dan mengurangkan kos operasi semua SKM dan pada masa yang sama memastikan prestasi sekolah ini setanding dengan sekolah awam yang lain.

Namun, perpindahan ke lokasi baharu juga dilihat sebagai cabaran dalam merealisasikan inisiatif ini khususnya bagi sekolah kurang murid yang berstatus sekolah bantuan kerajaan. Bagi sekolah berstatus sekolah bantuan kerajaan, tugas mencari lokasi atau tapak baharu adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan bergantung juga kepada persetujuan komuniti setempat.